

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 14.10.2025 MASA: 8:30PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

MAJLIS MAKAN MALAM KERAJAAN NEGERI DAN
PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN GOLF
SEMPENA HARI ULANG TAHUN KE-84 TYT YANG
DIPERTUA NEGERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT

**17 OKTOBER 2025 (JUMAAT)
7.00 MALAM**

**BALI BALLROOM, HOTEL KEMPINSKI, JAKARTA
INDONESIA**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Malam, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita diberikan kesempatan untuk bertemu dalam suasana penuh kemesraan dan keberkatan malam ini, sempena **Majlis Makan Malam Kerajaan Negeri Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Golf Sempena Hari Ulang Tahun Ke-84 Tuan Yang Terutama (TYT) Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang.**
2. Saya, bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai dengan penuh takzim dan kesyukuran merafakkan **ucapan Selamat Hari Jadi yang ke-84** kepada **Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib.** Semoga **Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan** dan seisi keluarga sentiasa dikurniakan kesihatan yang sempurna, kesejahteraan berpanjangan serta keberkatan usia untuk terus memayungi dan memimpin rakyat Pulau Pinang menuju masa depan yang lebih cemerlang dan sejahtera. Sesungguhnya kami amat berbesar hati dan amat berbangga mempunyai penaung yang sentiasa dekat di hati kami dan masyarakat Negeri Pulau Pinang.

3. Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada **Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan isteri; Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan isteri; Dif-Dif Kehormat; wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta; rakan-rakan strategik serta para penaja** serta seluruh tetamu kehormat yang sudi melapangkan masa menghadiri majlis berprestij ini.
4. Saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran semua peserta **Pertandingan Golf Sempena Hari Ulang Tahun TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang**, khususnya seramai **75 orang pemain golf** yang telah mengambil bahagian. Pertandingan tahun ini amat istimewa kerana berjaya mencatatkan **penyertaan tertinggi** bagi acara yang dianjurkan oleh MBSP di luar negara, satu pencapaian yang amat membanggakan bagi kami.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato' Seri dan Dato', Yang Berbahagia Datin Seri dan Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

5. Pertandingan **Golf Piala TYT** ini bukan sekadar acara sukan, tetapi **platform memperkukuh jaringan silaturahim** antara pimpinan kerajaan, agensi serta sektor swasta. Ia juga menjadi wahana terbaik untuk menzahirkan semangat kesukanan, keakraban dan perpaduan

antara semua lapisan masyarakat yang berkongsi aspirasi yang sama demi kemajuan Negeri Pulau Pinang.

6. Sempena ulang tahun TYT ke-84 ini, acara golf dan makan malam ini melambangkan **semangat kepimpinan, kebijaksanaan dan keteladanan Tuan Yang Terutama Tun** dalam memupuk keharmonian serta memperkukuh kemajuan di Negeri Pulau Pinang. Pemilihan **Jakarta** sebagai lokasi penganjuran tahun ini juga amat bererti; bukan sekadar menandakan **hubungan diplomatik yang akrab antara Malaysia dan Indonesia**, tetapi turut menyerlahkan semangat **serumpun dan persaudaraan** antara dua (2) bangsa yang berkongsi akar budaya dan sejarah yang sama.
7. Melalui kerjasama ini, kita membuka **peluang baharu dalam bidang pelancongan, ekonomi dan pertukaran ilmu bandar raya pintar**. Sebagai urusetia bersama, **MBSP amat berbesar hati** dapat memainkan peranan penting dalam memastikan kelancaran dan kejayaan keseluruhan penganjuran program kali ini.
8. Dalam kesempatan ini, izinkan saya merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat TYT, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta seluruh warga MBSP** yang berganding bahu menjayakan pertandingan golf ini. Tidak dilupakan, **terima kasih istimewa kepada para penaja utama; Hunza Sdn. Bhd.** dan

Lembughini Farmilia Sdn. Bhd. atas komitmen dan sumbangan yang amat besar.

9. Penghargaan juga kepada **Picca Sdn. Bhd., Maxonic Marketing Sdn. Bhd., Sky World Sdn. Bhd., JKP Sdn. Bhd., The Light Hotel Sdn. Bhd., Bertam Resort Sdn. Bhd., Persatuan Kebajikan 88 Kapten Pulau Pinang, The Grand Mulia, Nasi Kandar Nasmir Sdn. Bhd., Auto City Sdn. Bhd., Iconic Hotel, Paramount Property Sdn. Bhd., Design Village Sdn. Bhd. dan V-Corner Tailoring Centre** yang sama-sama menyemarakkan kejayaan penganjuran ini. Sokongan dan semangat kolaborasi daripada semua rakan strategik ini amat kami hargai dan saya berharap **kerjasama erat ini akan terus diperkasakan** dalam program-program MBSP yang akan datang.

Tuan Yang Terutama Tun, Yang Mulia Toh Puan, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato' Seri dan Dato', Yang Berbahagia Datin Seri dan Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,

10. Di dalam sukan golf, seperti juga di dalam pentadbiran Kerajaan dan kehidupan, **kejayaan bukan hanya diukur melalui kemenangan,** tetapi juga melalui **disiplin, fokus dan semangat untuk terus maju.** Nilai-nilai inilah yang saya percaya turut menjadi asas kepada

kemajuan Pulau Pinang di bawah kepimpinan bijaksana Tuan Yang Terutama Tun.

11. Dalam kesempatan ini, bagi pihak **Majlis Bandaraya Seberang Perai**, saya dengan penuh takzim merafakkan **setinggi-tinggi doa dan ucapan tahniah** kepada **Tuan Yang Terutama Tun** sempena sambutan ulang tahun kelahiran ke-84 ini. Moga Allah SWT mengurniakan kesejahteraan berpanjangan, kesihatan yang sempurna dan kebijaksanaan yang terus memayungi Negeri Pulau Pinang dengan penuh kasih.
12. Saya memohon maaf khususnya kepada **Tuan Yang Terutama Tun** dan **Yang Mulia Toh Puan**, jika ada ketelanjuran kata, salah bicara sepanjang ucapan ini. Menjunjung kasih di atas kesudian **Tuan Yang Terutama Tun** dan **Yang Mulia Toh Puan** yang sudi hadir pada malam ini. Terima kasih juga kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang menyokong segala usaha-usaha Majlis Bandaraya Seberang Perai.
13. Akhir kata, semoga hubungan persahabatan yang terjalin pada malam ini akan menjadi jambatan yang menghubungkan lebih banyak peluang kerjasama antara negeri, agensi dan sektor swasta demi kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Pulau Pinang yang kita cintai.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***